

# Pelajar<sup>2</sup> jurusan sastera bertambah

## MAHATHIR

## KHUATIR

SR 11 OKT 1975

Kuala Lumpur, Jumaat - Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad khuatir kebanjiran pelajar-pelajar dalam jurusan sastera akan menimbulkan masalah sukar mendapat kerja.

Sambil menasihatkan pelajar-pelajar yang bakal masuk ke Universiti-universiti mengikut kehendak pembangunan beliau menyatakan tentang kesukaran pelajar-pelajar aliran sastera sekarang ini mendapat pekerjaan yang sesuai.

Dalam pertemuan dengan SR, Menteri Pelajaran itu berkata, ada setengah pelajar-pelajar yang mendapat ijazah di bidang sosiologi dan sebagainya kini mulai merungut kerana sukar mendapat pekerjaan yang sesuai.

"Jurusan sastera di bidang-bidang sejarah, ilmu alam dan pengajian melayu boleh kita tumpungkan kepada perkhidmatan perguruan.

"Tetapi, jurusan lainnya dalam masa-masa yang akan datang sudah tentu akan menjadi satu masalah kerana perlimpahan yang terlalu banyak dan kerja yang sesuai baginya terhad pula," ujarnya.

Dr. Mahathir bagaimanapun menyatakan bahawa jurusan sains dan lain-lain kursus professional akan terus terjamin pada masa depan mereka kerana perkembangan dan pembangunan negara adalah meningkat dari masa ke masa.

SR difahamkan bahawa kementerian



DR. MAHATHIR

pelajaran sedang mengkaji satu cara untuk menyedarkan pelajar-pelajar yang masuk institusi-institusi tinggi supaya tidak bergantung kepada kerajaan semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan apabila tamat pengajian.

"Pelajar-pelajar akan ditanamkan satu kesedaran supaya berdikari, dan menjalankan usaha sendiri apabila tamat pengajian."

Semangat hendak berkhidmat atau mendapat pekerjaan dengan kerajaan semata-mata tidak dapat diterima lagi, kerana jumlah orang yang punya kelulusan akan bertambah.

Dr. Mahathir yakin sekiranya pelajar-pelajar mengikut pimpinan kementerian Pelajaran berhubung dengan kursus pengajian tinggi masalah kebanjiran penuntut ini akan dapat dikawal.